

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI
[RAUB]**

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI [RAUB] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah dasar baru Kementerian (Pusat) melalui Jabatan Pertanian dengan Kerajaan Negeri untuk merealisasikan Pertanian secara Lestari, kerana banyak lagi pencemaran air sungai serta masalah air bersih untuk rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam merealisasikan pertanian mampan (*sustainable agriculture*), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Dasar Agromakanan Negara yang lalu bagi tempoh 2011 hingga 2020 telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan produktiviti pertanian melalui amalan pengurusan ladang baik yang lebih meluas. Ini termasuk inisiatif bagi penggunaan bekalan air yang mencukupi meliputi peningkatan pengurusan air secara cekap.

Seterusnya, dalam meneruskan usaha pertanian mampan, MAFI melalui Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) telah menggariskan beberapa strategi ke arah pertanian mampan antaranya:

SOALAN NO : 72

- i. meningkatkan penerimgunaan pensijilan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) dan Skim Pensijilan Organik Malaysia (myOrganic) bagi sektor tanaman, perikanan dan ternakan;
- ii. menggalakkan pemuliharaan biodiversiti dan sumber asli termasuk sumber air melalui pemerkasaan perancangan bagi pembangunan projek agromakanan di kawasan sensitif alam sekitar dan pengurusan perosak secara bersepadu; dan
- iii. meningkatkan penggunaan teknologi seperti fertigasi, dengan izin *aquaponics*, *vertical farming* dan *plant factory* bagi melaksanakan pembajaan secara tepat mengikut keperluan tanaman dalam persekitaran terkawal.

Pelaksanaan dasar ini meliputi antara lain, penguatkuasaan Akta Racun Makhuk Perosak 1976 bagi memastikan penggunaan racun untuk kawalan penyakit dan perosak adalah racun berdaftar, terkawal dan mengikut pengesyoran yang ditetapkan.

Di samping itu, MAFI juga telah membangunkan garis panduan dan inisiatif bagi mengelakkan pencemaran sumber air antaranya seperti berikut:

- i. Garis Panduan Pembangunan Pertanian di Tanah Bercerun;
- ii. Garis Panduan Kualiti Air Pertanian;
- iii. Kaedah-Kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat) 2017;
- iv. Penternakan Babi Secara Moden / Modern Pig Farming (MPF); dan
- v. Galakan penggunaan bagi sistem reban ayam tertutup.

Tambahan pula, strategi-strategi ini turut disokong dengan inisiatif di bawah Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 (Pelan DSMN) yang memfokuskan kepada pengukuhan akta dan peraturan bagi menjamin kemampunan sumber dan bekalan makanan serta memastikan jaminan ketersediaan sumber semulajadi seperti tanah dan air yang memainkan peranan penting dalam produktiviti makanan negara.

SOALAN NO : 72

Sebagai kesinambungan dan memperkukuhkan lagi dasar amalan pertanian secara lestari, MAFI akan terus mempergiatkan pelaksanaan Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik (myGAP) dan Skim Pensijilan Organik (myOrganic) yang bukan sahaja untuk memenuhi keperluan makanan yang selamat dan sihat kepada rakyat tetapi juga memulih dan memelihara alam sekitar. Sehingga kini, sebanyak 7,726 ladang telah dipersijilkan dengan myGAP meliputi keluasan 34,072 hektar manakala 269 ladang telah dipersijilkan dengan myOrganic meliputi keluasan 2,067 hektar sejak diperkenalkan pada tahun 2002.

Di bawah RMK-12, MAFI mensasarkan seluas 4,000 hektar kawasan pertanian untuk dipersijilkan dengan pensijilan amalan pertanian baik selain memperuntukkan sebanyak RM20 juta di bawah projek Pemantapan Biosekuriti Tanaman Makanan bagi membantu petani-petani dalam melaksanakan pengurusan perosak secara bersepadu.

MAFI melalui pelbagai platform di peringkat Persekutuan dan Negeri sentiasa melaksanakan kerjasama strategik bersama Kerajaan Negeri bagi memastikan dasar ini dapat dilaksanakan dengan berkesan. Di samping itu, Kementerian melalui Jabatan dan Agensi di peringkat lapangan sentiasa melaksanakan program latihan, kesedaran dan khidmat nasihat kepada usahawan sektor pertanian bagi menggalakkan amalan pertanian mampan. Ini termasuk kerjasama melalui pelbagai pihak termasuk institusi pengajian, persatuan dan swasta.

Sekian, terima kasih.